



UMP, MAI jalin kerjasama tingkat daya saing industri automotif tempatan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Institut Automatif Malaysia (MAI) iaitu sebuah badan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala MAI diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Madani Sahari.

Majlis bersejarah ini turut disaksikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan dalam majlis yang diadakan di Dewan Zamrud, MITI pada 15 Mac 2011 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, program kerjasama dalam pembangunan modal insan ini melibatkan pelajar tahun tiga daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi yang berpeluang mengikuti program apprenticeship dalam pengkhususan kejuruteraan acuan (industri plastik), kejuruteraan die (industri logam campuran) dan sistem pembuatan bersama pihak MAI.

Seramai 61 pelajar akan mengikuti tiga fasa latihan, iaitu bagi fasa pertama, pelajar akan mengikuti latihan kemahiran insaniah, kemahiran pengurusan, mesin dan penyediaan dalam industri.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, bagi fasa kedua dan ketiga pula pelajar perlu mengikuti kursus latihan industri di syarikat yang dikenal pasti oleh MAI dan ditempatkan di syarikat berkenaan.

"Pendekatan melibatkan industri dan universiti ini dijangka dapat membantu mengenal pasti kekurangan tenaga pakar dalam menghasilkan graduan yang menepati kehendak industri," katanya.

Beliau mengharapkan agar kerjasama dengan MAI ini dapat membuka peluang dalam melibatkan usaha sama dalam bidang kejuruteraan mekanikal, elektronik dan lain-lainnya.

Sementara itu menurut Madani, kerjasama ini juga akan memfokuskan keseluruhan pembangunan teknologi dalam meningkatkan industri automotif tempatan termasuk penyelidikan gunaan.

"Kami menjangkakan usaha ini dapat menghasilkan lebih 5,000 jurutera yang berdaya saing menjelang tahun 2015.

"UMP merupakan universiti kedua selepas UiTM dalam melaksanakan program kerjasama dengan MAI ini," ujar beliau.

Hadir sama Setiausaha Kehormat MITI, Datuk Rebecca Fatima Sta Maria, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin.

